



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESAN PELAKSANAAN PENDEKATAN PEMBELAJARAN KOPERATIF MODEL STAD DALAM PENULISAN KARANGAN BAHASA MELAYU MURID TINGKATAN DUA

SUZANA BINTI ABU HASSAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan pelaksanaan pendekatan pembelajaran koperatif model *Student Team Achievement Division* (STAD) terhadap pencapaian murid dalam penulisan karangan Bahasa Melayu. Kaedah kuasi eksperimen digunakan dalam kajian ini. Sampel kajian terdiri daripada 56 orang murid Tingkatan Dua di sebuah sekolah menengah kebangsaan (Cina) di Kuala Lipis, Pahang. Kajian menggunakan ujian pra, ujian pasca dan soal selidik sebagai instrumen kajian. Sampel kajian dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Kumpulan kawalan terdiri daripada 29 orang murid, manakala kumpulan rawatan terdiri daripada 27 orang murid. Kumpulan kawalan mengikuti pembelajaran secara tradisional, manakala kumpulan rawatan pula mengikuti pembelajaran secara koperatif model STAD. Ujian-t digunakan untuk mengkaji sama ada terdapat perbezaan min yang signifikan antara skor dalam ujian pra dan ujian pasca penulisan karangan murid. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa skor min bagi kedua-dua ujian dalam kumpulan kawalan tidak mempunyai perbezaan yang signifikan ($t=0.278$). Dapatkan kajian juga mendapat terdapat perbezaan min yang signifikan dalam ujian pasca bagi kumpulan kawalan dan rawatan ($t=-6.961$). Dapatkan turut menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan dalam ujian pra dan pasca bagi kumpulan rawatan ($t=-11.795$). Dapatkan juga mendapat semua sampel menyatakan bahawa pendekatan koperatif model STAD dapat memupuk nilai murni dalam kalangan murid dan memberikan kesan positif kepada murid bagi meningkatkan pencapaian dalam penulisan karangan. Kesimpulannya, dapatkan menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran koperatif model STAD dapat meningkatkan skor min karangan murid secara signifikan berbanding dengan kaedah pembelajaran tradisional. Implikasi kajian ini dapat membuktikan bahawa pendekatan koperatif model STAD adalah berupaya meningkatkan kualiti karangan murid.





THE EFFECT OF STAD MODEL COOPERATIVE LEARNING APPROACH TOWARDS FORM TWO MALAY LANGUAGE ESSAY WRITING

ABSTRACT

This study aims to study the effect of the Student Team Achievement Division (STAD) model cooperative learning approach towards the students' achievement in Malay language writing. Experimental quasi methods were used in this study. The sample consists of 56 Form Two students at a secondary school (Chinese) in Kuala Lipis, Pahang. This research used pre-test, post-test and questionnaire as research instruments. The research sample was divided into two groups, namely control group and treatment group. The control group consists of 29 pupils, while the treatment group consists of 27 pupils. The control group follows traditional learning, while the treatment group follows STAD model cooperative learning. The t-test was used to investigate whether there was a significant mean difference between scores in pre-test and post-test students. The findings showed that the mean score of both tests in the control group has no significant difference ($t=0.278$). The findings also found that there were significant mean differences between scores in pre and post trials for control and treatment groups($t=-6.961$). The findings also showed that there were significant mean differences in pre and post-test for treatment groups ($t=-11.795$). The findings also found that all samples stated that the cooperative approach of the STAD model was able to nurture pure values among pupils and give positive impact to pupils to improve their achievement in essay writing. The conclusion shows that the STAD model's co-operative learning approach can significantly improve the mean score of pupils in terms of traditional learning methods. The implications of this study proves that STAD model's cooperative approach is able to improve the quality of the students' essay.





KANDUNGAN

	Muka surat
PERAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI SINGKATAN	x
SENARAI LAMPIRAN	xi

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang	2
1.3 Penyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Soalan Kajian	11
1.6 Hipotesis Kajian	11





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

v

1.7 Kepentingan Kajian	12
1.8 Batasan Kajian	14
1.9 Definisi Istilah	16
1.9.1 Kesan	17
1.9.2 Pelaksanaan	17
1.9.3 Pendekatan Pembelajaran Koperatif	17
1.9.4 Model STAD	19
1.9.5 Penulisan Karangan	19
1.9.6 Bahasa Melayu	20
1.9.7 Rumusan	20



05-4506832

**BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

2.1 Pendahuluan	21
2.2 Pendekatan Pembelajaran Koperatif	22
2.3 Jenis-Jenis Pembelajaran Koperatif	32
2.4 Pembelajaran Koperatif dalam Bahasa Melayu	34
2.5 Pendekatan Pembelajaran Koperatif dalam Penulisan Karangan	40
2.6 Model STAD	42
2.7 Teori Pembelajaran	48
2.8 Kerangka Konsep Kajian	53
2.9 Kesimpulan	54



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan	55
3.2 Reka Bentuk Kajian	56
3.3 Populasi dan Sampel Kajian	58
3.4 Instrumen Kajian	60
3.5 Prosedur Kajian	67
3.6 Prosedur Penganalisisan Data	76
3.7 Kesimpulan	79

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan	80
4.2 Dapatan Kajian	81
4.3 Kesimpulan	95

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan	96
5.2 Rumusan Kajian	97
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	100
5.4 Implikasi Kajian	111
5.5 Cadangan Kajian	112
5.6 Cadangan untuk Meningkatkan Mutu Kajian Lanjutan	115
5.7 Kesimpulan	116





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

vii

RUJUKAN

117

LAMPIRAN

121



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Reka Bentuk Kajian	57
3.2 Taburan sampel kajian mengikut bangsa	59
3.3 Taburan sampel kajian mengikut jantina	60
3.4 Penskoran Karangan	62
3.5 Kriteria Menilai Kemahiran Menulis	62
3.6 Deskripsi Penskoran Karangan	63
3.7 Nilai Cronbach's Alpha	66
3.8 Contoh pengiraan min markah ujian pra dan ujian pasca	79
3.9 Contoh proses data soal selidik	79
4.1 Tahap Pencapaian Penulisan Karangan Murid dalam Ujian Pra bagi Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	83
4.2 Perbandingan Min bagi Skor Penulisan Karangan dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Kumpulan Kawalan	84
4.3 Perbandingan Min bagi Skor Penulisan Karangan dalam Ujian Pasca bagi Kumpulan Rawatan dan Kawalan.	85
4.4 Perbandingan Min bagi Skor Penulisan Karangan dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Kumpulan Rawatan.	86
4.5 Pandangan Murid terhadap Kesesuaian Pelaksanaan Pendekatan Koperatif Model STAD dalam Penulisan Karangan.	90
4.6 Pandangan Murid terhadap Pelaksanaan Pendekatan Koperatif Model STAD berdasarkan Aspek Sikap Murid.	92
4.7 Pandangan Murid terhadap Pembelajaran Koperatif Model STAD Berdasarkan Aspek Penerapan Nilai Murni	93
4.8 Pandangan Murid terhadap Pendekatan Koperatif Model STAD Berdasarkan Aspek Peranan Guru.	94





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ix

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.6 Kerangka Konsep Kajian	53
3.2 Kerangka Reka Bentuk Kajian	57
3.6 Proses Pelaksanaan Pendekatan Koperatif Model STAD	75



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

X

SENARAI SINGKATAN

ABM	Alat Bantu Mengajar
KBKK	Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis
KBT	Kemahiran Bernilai Tambah
SPSS	Statistical Package for Social Science
STAD	Student Teams Achievement Division



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Pemohonan Menjalankan Penyelidikan di SMK Chung Hwa
- B Surat Lantikan Sebagai Guru Kumpulan Rawatan
- C Surat Lantikan Sebagai Guru Kumpulan Kawalan
- D Surat Lantikan Sebagai Penyemak Borang Soal Selidik Kajian
- E Borang Soal Selidik Kajian
- F Rancangan Pengajaran Harian Kumpulan Rawatan 1
- G Rancangan Pengajaran Harian Kumpulan Rawatan 2
- H Rancangan Pengajaran Harian Kumpulan Rawatan 3
- I Rancangan Pengajaran Harian Kumpulan Rawatan 4
- J Rancangan Pengajaran Harian Kumpulan Rawatan 5
- K Rancangan Pengajaran Harian Kumpulan Rawatan 6
- L Rancangan Pengajaran Harian Kumpulan Kawalan 1
- M Rancangan Pengajaran Harian Kumpulan Kawalan 2
- N Rancangan Pengajaran Harian Kumpulan Kawalan 3
- O Rancangan Pengajaran Harian Kumpulan Kawalan 4
- P Rancangan Pengajaran Harian Kumpulan Kawalan 5
- Q Rancangan Pengajaran Harian Kumpulan Kawalan 6
- R Data SPSS Perbezaan Min Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan
- S Data SPSS Perbezaan Min dalam Ujian Pasca Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan
- T Data SPSS Perbezaan Min Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan
- U Data SPSS Nilai *Cronbach's Alpha*
- V Soalan Ujian Pra
- W Soalan Ujian Pasca





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pendahuluan

Sistem pendidikan pada masa ini ingin melahirkan murid yang lengkap dengan pelbagai kemahiran dan ilmu pengetahuan yang diperlukan untuk menghadapi cabaran alaf ke-21 dalam usaha kita untuk bersaing dengan negara maju. Guru-guru pada masa ini berhadapan dengan perubahan gaya pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif, iaitu pembelajaran abad ke-21 yang sering ditekankan agar dilaksanakan di dalam bilik darjah.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Hal ini demikian kerana guru-guru perlu melahirkan murid-murid yang berpengetahuan, berfikir secara kritis dan kreatif serta mempunyai kemahiran berkomunikasi yang tinggi. Justeru, pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran dirancang untuk diaplikasikan semasa sesi pembelajaran di dalam bilik darjah khususnya semasa pengajaran penulisan karangan Bahasa Melayu. Salah satu daripadanya ialah pelaksanaan pendekatan pembelajaran koperatif terhadap murid-murid di dalam bilik darjah. Pendekatan ini merupakan salah satu kaedah pembelajaran yang memerlukan murid belajar secara berkumpulan, iaitu mereka bersama-sama ahli kumpulan akan bekerjasama menyelesaikan semua tugasan yang diberikan oleh guru. Setiap kumpulan akan melakukan perbincangan mengenai tugasan yang diberikan oleh guru. Guru hanya berperanan sebagai pembimbing kepada murid dalam melakukan tugasan. Kajian ini akan cuba mengkaji pelaksanaan pendekatan pembelajaran koperatif model STAD bagi meningkatkan pencapaian murid dalam penulisan karangan Bahasa Melayu.

1.2 Latar Belakang

Kajian ini dilakukan bagi mengatasi masalah yang berlaku dalam kalangan murid pada masa ini, iaitu masalah murid dalam membina karangan yang cemerlang dan mantap. Pencapaian mereka dalam penulisan karangan juga masih berada pada tahap baik sahaja. Murid lemah dalam memberikan idea yang tepat, menghuraikan idea dan memberikan contoh yang sesuai. Murid tidak dapat menulis karangan dengan baik tanpa bantuan guru.





Menurut Muruga Krishnan (2014) dalam kajiannya juga menyatakan bahawa pelajar kurang mahir dalam penulisan karangan Bahasa Melayu. Marsita Zainudin (2005) juga menyatakan bahawa pelajar lemah dalam penulisan, khususnya dari aspek menghurai dan menjana idea supaya karangan lebih mantap dan bernas.

Kajian dijalankan terhadap murid tingkatan dua di sebuah sekolah Cina di daerah Lipis, Pahang yang menghadapi masalah dalam penulisan karangan Bahasa Melayu, iaitu hanya berada pada tahap “baik” sahaja berdasarkan keputusan peperiksaan murid berkenaan. Guru Bahasa Melayu murid yang terlibat menyatakan bahawa murid tidak dapat menjana dan menghuraikan idea dengan betul serta kurang memberikan contoh-contoh yang bersesuaian dengan tajuk karangan.



Oleh itu, bagi mengatasi masalah ini, pengkaji memilih untuk menggunakan pendekatan pembelajaran koperatif model *Student Team Achievement Division* (STAD) terhadap murid yang menghadapi masalah dalam penulisan karangan. Pendekatan ini merupakan salah satu cara pembelajaran yang berkesan bagi mengatasi masalah murid tersebut. Hal ini terbukti berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Wong Lee Leng (2014) yang menyatakan bahawa kaedah STAD amat berkesan dalam meningkatkan pencapaian pelajar. Malah, kajian Asma Khan (2015) membuktikan bahawa terdapat kesan positif apabila menggunakan kaedah pembelajaran koperatif dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan dan merupakan kaedah yang berkesan digunakan terhadap pelajar.





Pengkaji akan menekankan kemahiran menjana idea yang tepat, menghuraikan idea dengan ayat yang betul dan memberikan contoh-contoh yang bersesuaian dengan topik dalam kajian yang akan dijalankan terhadap sampel kajian. Kemahiran ini sangat penting bagi menghasilkan sebuah karangan yang berada pada tahap “kepujian” atau “cemerlang”. Berdasarkan deskripsi penskoran karangan Bahasa Melayu, jika murid ingin mencapai peringkat cemerlang atau kepujian, karangan yang dihasilkan perlu menepati kriteria utama, iaitu idea yang relevan, huraian idea yang jelas dan contoh yang sesuai.

Pengkaji akan melaksanakan pembelajaran koperatif model STAD terhadap sampel berkenaan sepanjang tempoh kajian. Pendekatan pembelajaran koperatif ini merupakan salah satu kaedah pembelajaran yang ditekankan dalam sistem pendidikan pada masa ini. Pembelajaran koperatif ini menggalakkan murid menjalankan pembelajaran di dalam bilik darjah secara berkumpulan. Apabila murid belajar secara berkumpulan, mereka akan saling berkongsi pendapat atau idea untuk menyelesaikan tugas yang diberikan oleh guru. Malah, mereka juga akan saling membantu dan bertolak ansur antara ahli kumpulan. Nilai murni ini perlu diterapkan dalam diri setiap murid. Setiap kumpulan terdiri daripada murid yang berbeza tahap pengetahuan dan kemahiran akan saling berinteraksi sepanjang tempoh aktiviti dijalankan. Menurut Baharom Mohamad (2010:11), kaedah berkumpulan ini mengintegrasikan kepelbagai bentuk komunikasi dan interaksi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Mereka perlu saling berinteraksi antara satu sama lain bawah pimpinan guru.





Kumpulan boleh dibentuk berdasarkan tahap kebolehan dan pencapaian murid. Keahlian dalam mana-mana kumpulan boleh diubah mengikut keperluan. Murid dikelompokkan sama ada dalam kumpulan yang mempunyai kebolehan yang sama atau kumpulan yang mempunyai kebolehan yang berbeza. Pengelompokan cara ini dibuat bagi memudahkan penguasaan sesuatu kemahiran asas dalam pembelajaran. Di samping itu, guru juga mudah mengesan maklum balas pembelajaran murid-muridnya. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk melihat keberkesanan pelaksanaan pendekatan pembelajaran koperatif model STAD dalam meningkatkan pencapaian penulisan karangan Bahasa Melayu murid tingkatan dua.



Berdasarkan analisis peperiksaan akhir tahun sampel kajian yang telah dipilih, didapati pencapaian murid khususnya dalam penulisan karangan Bahasa Melayu masih berada di tahap baik sahaja dan tidak mencapai sasaran yang dikehendaki oleh pihak sekolah. Sampel yang dipilih merupakan murid tingkatan dua di sebuah sekolah Cina dan kebanyakannya sampel merupakan murid berbangsa Cina yang menghadapi masalah dalam penulisan karangan Bahasa Melayu. Murid tidak dapat memberikan idea yang tepat, huraihan tidak jelas dan tidak memberikan contoh yang bersesuaian dengan tajuk karangan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kaedah pembelajaran lain yang lebih berkesan dan sesuai digunakan dalam pembelajaran penulisan karangan Bahasa Melayu





bagi meningkatkan pencapaian murid dalam penulisan karangan. Pengkaji memilih pendekatan pembelajaran koperatif model STAD dalam meningkatkan pencapaian murid dalam penulisan karangan Bahasa Melayu.

Pendekatan pembelajaran koperatif model STAD merupakan salah satu kaedah pembelajaran yang memerlukan murid melakukan aktiviti secara berkumpulan. Murid saling bekerjasama dengan rakan sekelas bagi melaksanakan tugas yang diberikan oleh guru. Kaedah ini merupakan kaedah pembelajaran secara berkumpulan, iaitu ahli kumpulan terdiri daripada murid yang pelbagai kebolehan, kemahiran dan tahap pengetahuan akan belajar bersama-sama sepanjang sesi pembelajaran berlangsung di dalam bilik darjah. Guru akan membimbing dan memantau murid sepanjang murid melaksanakan tugas yang telah diberikan.



Kaedah ini perlu diberi penekanan agar dilaksanakan oleh guru di dalam bilik darjah khususnya dalam penulisan karangan. Para guru masih menggunakan kaedah pembelajaran secara tradisional, iaitu pembelajaran berpusatkan guru. Menurut Roselan Baki (2003) yang menyatakan bahawa kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru menjadi salah satu faktor yang menyebabkan murid menjadi pasif, tidak diberi peluang oleh guru untuk memberikan idea atau pendapat dan kurang berinteraksi dengan rakan sekelas. Cara dan gaya pengajaran guru dalam kelas lebih kepada memberi pendedahan secara menyeluruh tentang sesuatu tajuk dan mengamalkan pendekatan membincangkan isi untuk menghabiskan sukanan pelajaran. Murid kurang dilatih untuk meneroka





maklumat sendiri melalui pelbagai sumber. Kebiasaannya, guru mengawal dari segi isi, bukan berperanan membantu menyaring dan menyusun maklumat yang telah diteroka oleh mereka. Kawalan begini akan mendorong murid terlalu banyak bergantung kepada guru. Seterusnya, akan menyebabkan murid kurang berkemahiran untuk mengarang.

Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (1992) juga menekankan strategi pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid. Strategi pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Melayu haruslah berpusatkan murid bagi membolehkan mereka berinteraksi dan menguasai kemahiran belajar melalui pengalaman sendiri. *Sukatan Bahasa Melayu KBSM Sekolah Bestari* (2011) memberi penekanan pelbagai kaedah atau pendekatan pengajaran terkini. Salah satu daripadanya adalah melalui pendekatan pembelajaran koperatif. Pendekatan pembelajaran koperatif ini merupakan salah satu kaedah pembelajaran yang berpusatkan murid. Murid diberi peluang melibatkan diri sepenuhnya sepanjang proses pembelajaran. Malah, sistem pendidikan pada masa kini juga menggalakkan guru menggunakan pelbagai kaedah pengajaran yang lebih efektif dan menarik minat murid. Guru perlu merancang kaedah pengajaran, iaitu memilih pendekatan dan teknik pengajaran yang bersesuaian dengan tahap murid. Oleh itu, kaedah pembelajaran koperatif model STAD ini wajar dilaksanakan dalam pembelajaran penulisan karangan Bahasa Melayu bagi mewujudkan pembelajaran yang lebih berkesan.

Melalui pendekatan pembelajaran koperatif, guru dapat menerapkan kemahiran bahasa dalam diri murid sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung di





dalam bilik darjah. Murid dapat memberikan pendapat yang bernas sebagai sumbangan dalam perbincangan sangat bertepatan dengan pembelajaran koperatif yang melibatkan perbincangan dalam kumpulan sepanjang proses pembelajaran. Murid dapat memberikan idea atau pendapat yang bernas semasa aktiviti perbincangan dijalankan.

Pembelajaran koperatif wajar dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah khususnya dalam penulisan karangan Bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana kaedah ini dapat meningkatkan prestasi murid dalam menghasilkan sebuah karangan yang matang dan mantap. Kajian yang dijalankan oleh Muruga Krishnan (2014) juga jelas menunjukkan bahawa pembelajaran koperatif membawa peningkatan dalam pencapaian akademik secara keseluruhan berbanding dengan kaedah konvensional. Oleh itu, tujuan kajian ini juga adalah untuk mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan pendekatan pembelajaran koperatif model STAD bagi meningkatkan pencapaian murid dalam penulisan karangan yang cemerlang.

Guru-guru Bahasa Melayu sering berhadapan dengan masalah murid yang tidak dapat menghasilkan penulisan karangan yang cemerlang. Murid tidak dapat menjana idea dengan baik apabila berfikir secara individu sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung di dalam bilik darjah. Murid juga sukar memberikan contoh yang bersesuaian dengan isu atau topik yang dibincangkan. Hal ini disebabkan murid kurang berpengetahuan mengenai isu yang dibincangkan. Mereka tidak dapat mengolah ayat dengan baik kerana tidak mengetahui dan memahami tentang topik tersebut. Oleh itu,





penulisan murid hanya berada pada tahap baik sahaja. Kajian yang dijalankan akan dapat membantu guru meningkatkan pencapaian murid dalam penulisan karangan. Salah satu cara pembelajaran yang perlu dilaksanakan oleh guru ialah pembelajaran secara koperatif.

Kajian ini perlu dilaksanakan kerana kajian ini juga bertujuan untuk memenuhi atau melengkapi kajian sebelum ini yang berkaitan dengan pembelajaran koperatif. Kajian sebelum ini menekankan keberkesanan pembelajaran koperatif dalam menerapkan nilai murni seperti semangat bekerjasama, tolong-menolong, hubungan sosial murid dan sebagainya. Kajian sebelum ini juga turut melihat pembelajaran koperatif dapat menggalakkan interaksi dalam kalangan pelajar di dalam bilik darjah. Penyelidikan sebelum ini kurang memfokuskan beberapa model pendekatan koperatif dalam kajian seperti model STAD. Namun begitu, pelaksanaan pendekatan pembelajaran koperatif model STAD bagi meningkatkan pencapaian murid dalam penulisan karangan Bahasa Melayu kurang diberi penekanan oleh pengkaji. Oleh itu, satu penyelidikan yang bertujuan untuk melihat pendekatan pembelajaran koperatif model STAD dalam penulisan karangan Bahasa Melayu haruslah dilaksanakan.





1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk :

1. Mengkaji tahap pencapaian penulisan karangan dalam ujian pra dan ujian pasca secara keseluruhan selepas pendekatan pembelajaran koperatif model STAD dilaksanakan.
2. Mengkaji sama ada terdapat perbezaan min yang signifikan dalam ujian pra dan ujian pasca penulisan karangan murid tingkatan dua bagi kumpulan kawalan.
3. Mengkaji sama ada terdapat perbezaan min yang signifikan dalam ujian pasca penulisan karangan murid tingkatan dua bagi kumpulan kawalan dan rawatan selepas pendekatan pembelajaran koperatif model STAD dilaksanakan.
4. Mengkaji sama ada terdapat perbezaan min yang signifikan dalam ujian pra dan pasca penulisan karangan murid tingkatan dua bagi kumpulan rawatan selepas pendekatan pembelajaran koperatif model STAD dilaksanakan.
5. Mendapatkan pandangan murid terhadap pelaksanaan pendekatan pembelajaran koperatif model STAD dalam penulisan karangan.





1.5 Soalan Kajian

1. Apakah tahap pencapaian penulisan karangan murid dalam ujian pra bagi kedua-dua kumpulan sebelum pelaksanaan pendekatan pembelajaran koperatif model STAD?
2. Apakah pandangan murid terhadap pelaksanaan pendekatan pembelajaran koperatif model STAD dalam penulisan karangan?

1.6 Hipotesis Kajian



Terdapat tiga hipotesis yang digunakan dalam kajian ini untuk menjawab persoalan kajian pertama, kedua dan ketiga yang dikemukakan :

Ho1 : Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam ujian pra dan ujian pasca penulisan karangan murid tingkatan dua bagi kumpulan kawalan.

Ho2 : Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam ujian pasca penulisan karangan murid tingkatan dua bagi kumpulan kawalan dan rawatan selepas pendekatan pembelajaran koperatif dilaksanakan.

Ho3 : Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam ujian pra dan pasca penulisan karangan murid tingkatan dua bagi kumpulan rawatan selepas pendekatan pembelajaran koperatif dilaksanakan.





1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini dapat memberikan kepentingan kepada murid, guru, pihak sekolah dan para penyelidik.

1.7.1 Murid

Kajian ini diharapkan dapat memberikan manfaat kepada para murid. Melalui pelaksanaan pendekatan pembelajaran koperatif model STAD di dalam bilik darjah, diharap dapat membantu para murid meningkatkan prestasi murid dalam penulisan karangan.

Pembelajaran menggunakan kaedah ini memberi peluang kepada para murid untuk melakukan perbincangan dan belajar bersama-sama rakan di dalam kumpulan bagi memudahkan mereka menjana idea dengan baik bagi sesuatu topik. Malah, murid juga saling bertukar pendapat atau pandangan mereka mengenai sesuatu topik yang dibincangkan. Murid akan dapat menambahkan ilmu pengetahuan dan meningkatkan tahap pemahaman mereka mengenai sesuatu perkara.

1.7.2 Guru

Guru akan menjalankan pengajaran dengan cara inkuiri penemuan dan kajian supaya semua murid dapat melibatkan diri dalam proses mencari maklumat. Malah, guru juga





menggalakkan murid berfikir dan menjana idea semasa aktiviti perbincangan dijalankan. Hal ini akan meningkatkan kemahiran berfikir dalam kalangan murid dan juga akan memberikan kesan terhadap pencapaian murid khususnya dalam penulisan karangan.

Kajian ini juga memberi pendedahan kepada para guru Bahasa Melayu mengenai kaedah pendekatan pembelajaran koperatif model STAD yang boleh diaplikasikan dalam pengajaran penulisan karangan. Justeru, kajian ini diharap dapat memberi pendedahan kepada para guru tentang kaedah baharu yang perlu diamalkan di dalam bilik darjah. Melalui pendekatan ini, pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan menjadi lebih berkesan dan menarik disamping dapat meningkatkan pencapaian murid dalam penulisan karangan.



1.7.3 Pihak Sekolah

Kajian ini dapat memberikan maklumat kepada pihak sekolah mengenai kaedah pengajaran yang lebih sesuai dan efektif digunakan selaras dengan pembelajaran abad ke-21 bagi meningkatkan pencapaian murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan seterusnya meningkatkan Gred Purata Mata Pelajaran Bahasa Melayu di peringkat sekolah, daerah dan negeri. Peningkatan GPMP ini dapat menyumbang kepada kualiti Gred Purata Sekolah (GPS).





1.7.4 Penyelidik

Kajian ini juga diharap dapat dijadikan sebagai panduan atau bahan rujukan kepada para penyelidik yang menjalankan kajian tentang penulisan pada masa akan datang khususnya menggunakan kaedah pembelajaran koperatif model STAD.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada beberapa orang murid di sebuah sekolah menengah yang terdiri daripada murid tingkatan dua. Sekolah yang terlibat ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Chung Hwa, Kuala Lipis, Pahang Darul Makmur. Sekolah ini terletak kira-kira 12 kilometer dari sekolah pengkaji dan mempunyai populasi murid seramai 550 orang. Hampir 70% murid di sekolah ini berbangsa Cina. Pemilihan sekolah ini dibuat kerana tahap pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu yang rendah, disamping pengkaji juga mempunyai rakan yang merupakan tenaga pengajar di sekolah tersebut. Responden yang terlibat kebanyakannya terdiri daripada murid berbangsa Cina. Kajian akan dilakukan terhadap para murid tingkatan dua yang mengambil Bahasa Melayu sebagai salah satu mata pelajaran wajib di sekolah. Kajian melibatkan dua buah kelas yang terdiri daripada murid tingkatan dua, iaitu seramai 56 orang responden yang akan digunakan oleh pengkaji. Bilangan responden yang kecil menyebabkan keputusan kajian hanya boleh





digeneralisasikan kepada populasi kajian ini sahaja. Cara pemilihan sampel adalah bukan secara rawak kerana setiap murid di dalam kelas yang terpilih hendaklah melibatkan diri secara langsung dalam kajian ini. Sampel dipilih berdasarkan kepada tahap pencapaian yang rendah dalam penulisan karangan Bahasa Melayu.

Skop kajian melibatkan keberkesanan pelaksanaan pendekatan pembelajaran koperatif model STAD dalam kalangan murid yang terlibat semasa pengajaran Bahasa Melayu. Kajian dijalankan berdasarkan kaedah pembelajaran secara berkumpulan sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran. Pengkaji akan menekankan beberapa aspek sepanjang kajian, iaitu menilai aspek menjana idea utama, huraihan yang jelas dan contoh yang sesuai bagi menghasilkan karangan yang berada pada peringkat kepujian atau cemerlang. Pengkaji hanya menekankan kemahiran menulis dalam kalangan responden yang terlibat dengan kajian.

Pengkaji memilih menggunakan kaedah eksperimental yang melibatkan satu kumpulan rawatan dan satu kumpulan kawalan. Kumpulan kawalan akan melalui sesi pengajaran dan pembelajaran secara tradisional, manakala kumpulan rawatan pula akan menggunakan kaedah pendekatan pembelajaran koperatif model STAD semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Sampel akan melalui dua jenis ujian, iaitu ujian pra dan ujian pasca bagi membandingkan tahap pencapaian murid dalam penulisan karangan Bahasa Melayu sebelum dan selepas menggunakan kaedah pendekatan pembelajaran koperatif. Selepas rawatan diberikan dalam suatu tempoh





tertentu, pengkaji akan memerhati atau mengukur kumpulan yang telah menerima rawatan, iaitu dengan menggunakan ujian pra dan ujian pasca untuk menentukan perbezaan. Pengkaji akan melihat sama ada rawatan yang diberi berjaya atau tidak. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi menentukan bahawa pelaksanaan pembelajaran koperatif model STAD dapat meningkatkan pencapaian murid dalam penulisan karangan.

Pengkaji juga turut menggunakan instrumen borang soal selidik untuk mendapatkan pandangan daripada responden yang terlibat dalam kajian ini. Soalan-soalan yang diberikan berkaitan dengan pelaksanaan pendekatan pembelajaran koperatif dalam kalangan murid yang dilakukan oleh guru. Oleh itu, dapatan kajian mengenai pandangan murid terhadap pelaksanaan pendekatan pembelajaran koperatif akan diperoleh berdasarkan soal selidik ke atas murid-murid berkenaan. Selain itu, kajian dilakukan dengan membuat rujukan perpustakaan, kaedah tinjauan, pemerhatian dan sebagainya.

1.9 Definisi Istilah

Definisi istilah merupakan subtajuk yang agak penting kerana disinilah pengkaji akan menghuraikan satu persatu berkaitan tajuk yang akan dikajiinya. Tajuk kajian penyelidikan yang akan dijalankan dikaitkan dengan keberkesanan pelaksanaan pendekatan pembelajaran koperatif model STAD dalam penulisan karangan Bahasa Melayu murid tingkatan dua. Oleh itu, tajuk kajian dapatlah didefinisikan satu persatu supaya pengkaji





mudah memahami tajuk yang perlu dikajinya. Definisi istilah yang dapat dikemukakan adalah seperti berikut :

1.9.1 Kesan

Merujuk Kamus Dewan Edisi Keempat (2010: 771), “kesan” membawa maksud tanda yang ditinggalkan oleh sesuatu, bekas sama ada kebaikan atau keburukan. Dalam konteks kajian ini, “kesan” bermaksud hasil atau akibat yang terjadi selepas pengaplikasian kaedah pembelajaran koperatif terhadap murid dalam proses penulisan karangan Bahasa Melayu.



Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010: 871), pelaksanaan bermaksud perihal, perbuatan atau proses melaksanakan (menjalankan, mengusahakan) sesuatu rancangan.

1.9.3 Pendekatan Pembelajaran Koperatif

Menurut Zamri Mahamod (2012: 83), Pendekatan Koperatif diperkenalkan oleh Slavin (1990) apabila beliau mendapat terdapat jurang pencapaian antara murid. Bilangan murid yang ramai dan kepelbagaiannya kecerdasan memungkinkan wujudnya persaingan dan jurang





yang kurang sihat antara murid. Murid yang pandai akan menguasai pembelajaran berbanding murid yang lemah akan ketinggalan dalam pembelajaran. Menurut beliau lagi, pendekatan pengajaran dan pembelajaran berbentuk koperatif bermaksud satu cara untuk menstrukturkan semua kelas, murid yang terdiri pelbagai latar belakang sosioekonomi, kecerdasan, jantina, emosi dan sebagainya dapat belajar dan mencapai kejayaan bersama-sama.

Dalam kajian ini, pengkaji menekankan pelaksanaan pendekatan pembelajaran koperatif di dalam bilik darjah bagi mengatasi masalah murid dalam penulisan karangan. Menurut Kagan (1994), pembelajaran koperatif merupakan kaedah pembelajaran yang melibatkan pembentukan kumpulan, iaitu setiap ahli mempunyai tahap kemampuan yang berbeza, melakukan pelbagai aktiviti pembelajaran untuk meningkatkan kefahaman mereka tentang sesuatu subjek. Setiap ahli akan saling membantu ahli kumpulan yang lain sehingga mencapai kejayaan bersama-sama. Menurut Johnson & Johnson (1999) dalam Zamri Mahamod (2012), Pembelajaran Koperatif melibatkan murid saling bekerjasama dalam mencapai sesuatu objektif pembelajaran. Pendekatan pembelajaran koperatif dilaksanakan secara berkumpulan supaya murid akan dapat berkongsi maklumat dengan ahli kumpulan supaya mereka lebih memahami sesuatu topik yang dipelajari, disamping dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi.





1.9.4 Model STAD

Dalam teknik STAD (*Student Team Achievement Divisions*), murid akan belajar secara berkumpulan yang mempunyai latar belakang dan tahap pengetahuan yang berbeza. Pada peringkat permulaan, guru akan menerangkan hala tuju pembelajaran. Kemudian, murid akan menjalankan aktiviti perbincangan secara berkumpulan. Setelah selesai aktiviti kumpulan, murid akan menduduki ujian atau kuiz secara individu. Murid tidak boleh berbincang dengan orang lain sepanjang menjalani ujian tersebut. Markah kuiz setiap murid akan dikumpulkan mengikut kumpulan. Kumpulan yang mendapat markah tertinggi akan diberikan ganjaran oleh guru. Oleh itu, setiap ahli kumpulan perlu saling membantu agar mereka dapat mencapai kejayaan.



1.9.5 Penulisan Karangan

Penulisan merujuk kepada perihal atau kegiatan menulis. Sesuatu hasil penulisan perlu mengandungi isi yang tepat, tujuan penulisan, idea yang tersusun dan penggunaan ayat yang gramatis. Penghasilan sesebuah teks atau maklumat yang ingin disampaikan itu dapat diterima dan difahami oleh pembaca. Perkataan-perkataan dan ayat-ayat yang tepat akan digunakan bagi menghasilkan penulisan yang lengkap. Oleh itu, setiap penulis perlu mengetahui ciri-ciri bahasa penulisan seperti pemilihan kata, kepelbagaiannya struktur ayat, pemerengganan, unsur kesatuan serta format penulisan. Karangan merupakan cara penulis





menyampaikan perasaan dan fikiran mengenai sesuatu tajuk dalam jumlah perkataan yang terhad.

1.9.6 Bahasa Melayu

Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi, bahasa pengantar utama, bahasa perpaduan dan mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua murid pada semua peringkat persekolahan sama ada di sekolah menengah mahupun di sekolah rendah (KPM, 2001).

Mata pelajaran Bahasa Melayu ini bertujuan untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi selaras dengan peranannya sebagai bahasa

ilmu. Kementerian Pendidikan Malaysia (2001) menegaskan bahawa kandungan mata pelajaran Bahasa Melayu merangkumi penggunaan bahasa yang menekankan kemahiran bahasa serta berteraskan Bahasa Melayu baku.

1.10 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini menerangkan latar belakang masalah dan keperluan kajian dijalankan. Selain itu, pengkaji juga menerangkan objektif dan soalan kajian yang ingin dirungkaikan. Bab ini juga menerangkan secara keseluruhan mengenai kajian yang dilaksanakan, iaitu keberkesanan pembelajaran koperatif model STAD dalam penulisan karangan Bahasa Melayu.

